

03 DEC 1997

PM LANCAR CABARAN MALAYSIA 1997 (Bergambar)

LANGKAWI, 3 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melancarkan perlumbaan kapal layar antarabangsa Cabaran Malaysia 1997 dari atas feri MY A.Khaliq di sini hari ini.

Sebanyak 12 pasukan dari sembilan negara termasuk Amerika Syarikat, United Kingdom, Denmark, Sweden, Perancis, Jerman dan Malaysia mengambil bahagian dalam cabaran itu yang menawarkan hadiah berjumlah US\$100,000.

Sejumlah 48 pelayar termasuk 29 pelayar paling terkemuka di dunia seperti juara dunia ketika ini, Peter Gilmour, menyertai perlumbaan itu yang kini dijadikan sebagai satu daripada sirkit dunia.

Sebelum itu Dr Mahathir turut merasmikan pembukaan Bahagian Maritim dalam Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi (LIMA '97) dan membuka jeti Star Cruises, kedua-duanya di Tanjung Malai di sini.

Beliau juga telah melawat sekitar pameran maritim itu. -- BERNAMA
JM NMO